

PENANDA WACANA

Penanda wacana ialah perkataan ataupun rangkaian perkataan yang berfungsi mempertalikan sesuatu idea, hujah, dan pandangan seseorang semasa menulis ataupun berucap. Seandainya sesuatu wacana berkenaan tidak mempunyai penanda wacana yang tepat, ia akan menyebabkan seluruh kandungan wacana berkenaan tidak mempunyai kesatuan dan perpautan yang lengkap. Contoh penanda wacana seperti berikut:

1. **Tambahan** : dan, serta, lagi, tambahan lagi, tambahan pula, selanjutnya, seterusnya, di samping
2. **Urutan** : pertama, kedua, seterusnya, selepas itu, kemudian, kemudian daripada itu, akhirnya
3. **Penyataan semula** : iaitu, yakni, dengan kata lain, seperti yang diterangkan
4. **Contoh** : contohnya, seperti, ibarat, laksana, macam, umpama, bagai, bak kata, sebagai
5. **Rumusan** : rumusannya, kesimpulannya, sebagai kesimpulan, akhir kata, sebagai penyimpul kata
6. **Tempat** : berhampiran dengan, bersebelahan dengan, bertentangan dengan
7. **Waktu** : apabila, ketika, semasa, kemudian, selepas, pada mulanya, lama-kelamaan, lambat-laun, akhirnya
8. **Sebab dan kesan** : oleh itu, sebab itu, justeru itu, fasal, lantaran, jadi, dengan itu
9. **Bandingan** : seperti juga, serupa dengan, sesuai dengan, sama juga dengan
10. **Pertentangan** : tetapi, sebaliknya, sungguhpun, walau bagaimanapun, namun begitu, bertentangan dengan
11. **Pengesahan** : sebenarnya, sesungguhnya, sewajarnya, tentulah, pastilah, sememangnya